



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***KONFLIK POLITIK DALAM PEMERINTAHAN KESULTANAN MELAYU
DALAM NASKHAH TUHFAT AL-NAFIS DAN AL-TARIKH SALASILAH
NEGERI KEDAH***

AMIR RULLAH MOHD NOOR

FBMK 2017 29



**KONFLIK POLITIK DALAM PEMERINTAHAN KESULTANAN MELAYU
DALAM NASKHAH *TUHFAT AL-NAFIS* DAN *AL-TARIKH SALASILAH*
*NEGERI KEDAH***

Oleh

AMIR RULLAH BIN MOHD NOOR

**Tesis dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

Disember 2016

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar, dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali yang dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

Dedikasi ini buat...
ayahku Mohd Noor Bin Drahman
dan isteri tercinta
Siti Noor Farhana Binti Haron.

Tidak lupa juga buat adik-beradikku
Kamaruzaman, Rosmawati, Hisham, Hanafi, Zulkefli dan Atikah.

Malah dedikasi ini juga dituju kepada penyelia tesis
Dr. Salmah Jan Noor Muhammad.

Ahli jawatankuasa penyelia tesis
Profesor Madya Dr. Mohd Zariat Abdul Rani.

Para sahabat
yang sentiasa mendoakan kejayaan,
memberi kata-kata semangat yang tidak putus-putus,
malah sentiasa menyokong,
dan sentiasa memberi harapan.

Oleh itu,
Terima kasih kepada semua.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera.

**KONFLIK POLITIK DALAM PEMERINTAHAN KESULTANAN MELAYU
DALAM NASKHAH *TUHFAT AL-NAFIS* DAN *AL-TARIKH SALASILAH*
NEGERI KEDAH**

Oleh

AMIR RULLAH BIN MOHD NOOR

Disember 2016

Pengerusi : Salmah Jan Noor Muhammad, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini bertitik tolak daripada permasalahan yang mendapati bahawa sehingga kini dan sepanjang yang diketahui, masih kurang kajian ilmiah yang secara khusus meneliti soal konflik politik dalam pemerintahan, terutamanya soal punca yang mencetuskan konflik-konflik tersebut dalam genre historiografi Melayu, iaitu naskhah *Tuhfat Al-Nafis* dan *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. Berlatar belakangkan permasalahan ini, kajian ini menggariskan dua objektif iaitu menganalisis konflik politik dalam pemerintahan, dan merumuskan punca-punca terjadinya konflik politik dalam pemerintahan dalam Kesultanan Melayu, sebagaimana yang dimanifestasikan dalam kedua-dua naskhah yang dikaji. Bagi merealisasikan kedua-dua objektif ini, kajian ini menerapkan pemikiran Ibn Khaldun tentang politik dalam pemerintahan, sebagaimana yang diutarakan dalam kitab karangan beliau yang terkenal bertajuk *Mukadimah* (1377 Masihi). Pemikiran ini merujuk kepada pandangan Ibn Khaldun bahawa soal keadilan dan ketidakadilan, dan perebutan takhta dan kuasa dalam naskhah *Tuhfat Al-Nafis* yang dianggap menjadi antara punca tercetusnya konflik politik dalam pemerintahan, dan akhirnya membawa kepada kejatuhan sesebuah kerajaan sekaligus peradaban manusia. Analisis terhadap kedua-dua naskhah yang dikaji mendapati bahawa soal keadilan dan ketidakadilan, dan perebutan takhta dan kuasa dimanifestasikan sebagai punca-punca tercetusnya konflik politik dalam pemerintahan dalam Kesultanan Melayu. Kajian ini mengenal pasti enam peristiwa yang didapati memanifestasikan soal keadilan dan ketidakadilan sebagai punca tercetusnya konflik politik dalam pemerintahan. Peristiwa-peristiwa tersebut ialah peristiwa ketika pemerintahan Paduka Seri Maharaja di Singapura, peristiwa ketika pemerintahan Raja Iskandar Syah di Singapura, peristiwa ketika pemerintahan Raja Mahmud di Melaka, peristiwa ketika pemerintahan Sultan Mahmud II di Johor, peristiwa ketika pemerintahan Raja Kecil, dan peristiwa ketika pemerintahan Sultan Sulaiman di Riau. Kajian ini turut mengenal pasti enam peristiwa dalam naskhah *Tuhfat Al-Nafis* yang didapati memanifestasikan soal perebutan takhta dan kuasa sebagai punca tercetusnya konflik politik dalam pemerintahan. Peristiwa-peristiwa tersebut

ialah peristiwa antara Raja Kecil dengan Sultan Abdul Jalil Riayat Shah, peristiwa antara Sultan Muhammad Zain al-Din dengan Pangeran Agung, peristiwa antara Raja Kedah Tua dengan Raja Kedah Muda, dan peristiwa antara Raja Alam dengan Tengku Mahmud. Manakala, peristiwa-peristiwa dalam naskhah *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* pula ialah peristiwa antara Tengku Ata'Allah dengan Tengku Ngah Putera, dan peristiwa antara Raja Muda Tengku Ya'akob dengan Sultan Ahmad Tajuddin II. Hasil analisis terhadap kedua-dua naskhah yang dikaji dengan sendirinya memperkukuhkan pandangan Ibn Khaldun yang menggariskan soal kezaliman dan ketidakadilan, serta perebutan takhta dan kuasa sebagai antara punca yang mencetuskan pergolakan politik, dan seterusnya membawa kepada kejatuhan sesebuah kerajaan dan sekaligus peradaban manusia. Hasil kajian ini diharap dapat memperluaskan lagi korpus penyelidikan, khususnya terhadap karya-karya historiografi Melayu dan sekurang-kurangnya memperkayakan lagi kepustakaan ilmu dalam bidang kesusasteraan Melayu.

Abstract of thesis presented to Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Arts.

POLITICAL CONFLICT IN REIGN OF MALAY SULTANATE IN THE SCRIPT OF *TUHFAT AL-NAFIS* AND *AL-TARIKH SALASILAH NEGERI KEDAH*

By

AMIR RULLAH BIN MOHD NOOR

December 2016

Chairman : Salmah Jan Noor Muhammad, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

This study stems from problems which found that up to now and all that is know, there is few while study to specifically examine the question conflict of politics in government, particularly about the cause that triggered the conflicts in Malay historiography genre, that is *Tuhfat Al-Nafis* dan *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. With these issues in mind, this study outlines two objectives, namely to analyze political conflicts in governance, and formulate the causes of the conflicts of politics in government in the Malay Sultanate, as manifested in *Tuhfat Al -Nafis* and *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. To materialize both these objectives, this study applied Ibn Khaldun's ideas about politics and government as expressed in his famous book entitled *Mukadimah* (1377 AD). This idea refers to Ibn Khaldun's view that the question of tyranny and injustice, and the power struggle for the throne that become the cause of conflict between politics and government, which eventually led to the fall of a government and human civilization. Analysis of the two studied texts found that tyranny and injustice, and the struggle for the throne and power as the causes for the conflict of politics in government in the Malay Sultanate. The study identified six events that appear to manifest the tyranny and injustice as the source of political conflict in the government with reference to *Tuhfat Al-Nafis*. Among these events are the events during the reign of Sri Maharaja in Singapore, the events during the reign of Raja Iskandar Shah in Singapore, the events during the reign of Raja Mahmud of Malacca, the events during the reign of Sultan Mahmud II in Johor, events during the reign of Raja Kecil and events when Sultan Sulaiman in Riau. This study also identified six events that appear to manifest the struggle for the throne and power as a source of political conflict in governance. Four events are in *Tuhfat Al-Nafis* and two events in *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. Among the events in *Tuhfat Al-Nafis* was the struggle for the throne and power between Raja Kecil with Sultan Abdul Jalil Riayat Shah, Sultan Muhammad Zain al-Din with Pangeran Agung, Raja Kedah Tua and Raja Kedah Muda, and Raja Alam with Tengku Mahmud. Mean while, among the events in *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* is the struggle for the throne and power between Tengku Ata'Allah with Tengku Ngah Putera, and

Raja Muda Tengku Ya'akob and Sultan Ahmad Tajuddin II. The findings and the result of the analysis of the two copies itself reinforces the view of Ibn Khaldun, which outlines the tyranny and injustice, as well as the struggle for the throne and power as the reasons that triggered political unrest, and led to the downfall of a government and at the same time human civilization. The results of this study would be to expand the corpus of research focusing on the works of Malay historiography, at least enrich the field of knowledge in Malay literature.



PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurnia-Nya saya dapat menyiapkan tesis ini bagi memenuhi keperluan untuk memperoleh Ijazah M.A. Kesusasteraan Melayu.

Saya dengan ikhlasnya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih kepada Dr. Salmah Jan Noor Muhammad selaku pengerusi tesis dan Profesor Madya Dr. Mohd. Zariat Abdul Rani selaku ahli jawatankuasa tesis atas segala bimbingan dan tunjuk ajar yang telah diberikan. Komitmen yang telah diberikan ini sangat berguna dan telah membuka laluan mudah bagi menyiapkan tesis ini.

Buat ayah, isteri dan keluarga tersayang, segala doa restu dan dorongan kalian amat dihargai. Semoga usaha ini sentiasa diberkati Allah s.w.t. dan dapat dimanfaatkan.

Penghargaan juga ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan kerana banyak memberikan teguran, pandangan, perkongsian maklumat serta idea-idea bernas. Jutaan terima kasih saya ucapkan. Tidak lupa juga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung, didoakan semoga sumbangan ikhlas anda diberkati Allah s.w.t. dunia dan akhirat.

Sekian, terima kasih.
(Amir Rullah Bin Mohd Noor, GS38153)

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 6 Disember 2016 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Amir Rullah Bin Mohd Noor bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Konflik Politik dalam Pemerintahan Kesultanan Melayu dalam Naskhah *Tuhfat Al-Nafis* dan *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi Ijazah Master Sastera.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Raja Masittah Binti Raja Ariffin, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Nik Rafidah Binti Nik Muhamad Affendi, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Mardiana Binti Nordin, PhD

Pensyarah Kanan
Universiti Malaya
Malaysia
(Pemeriksa Luar)

NOR AINI AB. SHUKOR, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 28 April 2017

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyelesaian adalah seperti berikut:

Salmah Jan Noor Muhammad, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Mohd. Zariat Abdul Rani, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- Hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/ fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbas dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : _____ Tarikh : _____

Nama dan No. Matrik: Amir Rullah Bin Mohd Noor (GS38153)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : _____

Nama

Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan : _____

Tandatangan : _____

Nama

Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan : _____

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI SINGKATAN	xii
BAB	
I PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah	4
1.3 Objektif Kajian	12
1.4 Kepentingan kajian	13
1.5 Batasan Kajian	13
1.6 Definisi Konsep	17
II SOROTAN KAJIAN	
2.1 Pengenalan	22
2.2 Kajian-Kajian Ilmiah tentang Politik dan Pemerintah	22
2.3 Kajian-Kajian Ilmiah tentang Politik dalam Historiografi Melayu	26
2.4 Kesimpulan	34
III METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pengenalan	35
3.2 Kaedah Penyelidikan	35
3.3 Justifikasi Pemilihan Teori	35
3.4 Ibn Khaldun dan Sumbangan dalam Bidang Keilmuan	36
3.5 Pemikiran Politik Ibn Khaldun	38
3.5.1 Kezaliman dan Ketidakadilan	38
3.5.2 Perebutan Takhta dan Kuasa	44
3.6 Kerangka Konsepsi	48
3.7 Kesimpulan	49
IV ANALISIS DAN PERBINCANGAN	
4.1 Pengenalan	50
4.2 Kezaliman dan Ketidakadilan	50

4.2.1	Peristiwa Kezaliman Dan Ketidakadilan Dalam Pemerintahan Paduka Seri Maharaja Di Singapura	51
4.2.2	Peristiwa Kezaliman Dan Ketidakadilan Dalam Pemerintahan Raja Iskandar Syah Di Singapura	53
4.2.3	Peristiwa Kezaliman Dan Ketidakadilan Dalam Pemerintahan Raja Mahmud (Sultan Mahmud Syah I) Di Melaka	56
4.2.4	Peristiwa Kezaliman Dan Ketidakadilan Dalam Pemerintahan Sultan Mahmud II Di Johor	61
4.2.5	Peristiwa Kezaliman Dan Ketidakadilan Dalam Pemerintahan Raja Kecil	66
4.2.6	Peristiwa Kezaliman Dan Ketidakadilan Dalam Pemerintahan Sultan Sulaiman Di Riau	71
4.3	Perebutan Takhta dan Kuasa	76
4.3.1	Peristiwa Perebutan Takhta Dan Kuasa Antara Raja Kecil Dengan Sultan Abdul Jalil Riayat Shah	77
4.3.2	Peristiwa Perebutan Takhta Dan Kuasa Antara Sultan Muhammad Zain al-Din Dengan Pangeran Agung	80
4.3.3	Peristiwa Perebutan Takhta Dan Kuasa Antara Raja Kedah Tua Dengan Raja Kedah Muda	83
4.3.4	Peristiwa Perebutan Takhta Dan Kuasa Antara Raja Alam Dengan Tengku Mahmud	86
4.3.5	Peristiwa Perebutan Takhta Dan Kuasa Antara Tengku Ata'Allah Dengan Tengku Ngah Putera	91
4.3.6	Peristiwa Perebutan Takhta Dan Kuasa Antara Raja Muda Tengku Ya'akob Dengan Sultan Ahmad Tajuddin II	96
4.4	Kesimpulan	86

V RUMUSAN 103

BIBLIOGRAFI	108
LAMPIRAN	114
BIODATA PELAJAR	116
SENARAI PENERBITAN	117

SENARAI SINGKATAN

<i>Al-Tarikh....</i>	<i>Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah</i>
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
PNM	Pustaka Negara Malaysia
<i>Tuhfat...</i>	<i>Tuhfat Al-Nafis</i>
UPM	Universiti Putra Malaysia
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
USM	Universiti Sains Malaysia
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
<i>s.a.w</i>	<i>Sallallahu alaihi wasallam</i>
<i>s.w.t</i>	<i>Subhanahuwataala</i>

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Politik dan sastera mempunyai perkaitan antara satu sama lain. Isu politik digarap dalam sastera melalui bentuk karya kreatif, sebagaimana yang dinyatakan oleh Arba'ie Sujud et al. (2015: 67), "Sastera dan politik mempunyai perkaitan yang rapat dalam menterjemahkan isu politik dalam bentuk karya kreatif".

Merujuk kepada soal 'politik', Mustafa Haji Daud (1994: 3) mentakrifkannya sebagai satu urusan pemerintah dalam mentadbir negara dan rakyat, sebagaimana yang dituliskannya, "Politik merupakan satu urusan mentadbir sesuatu golongan yang berkaitan dengan pemerintahan dan segala hal yang merangkumi semua peringkat dalam hierarki masyarakat". Selain itu, Mustafa Ishak (2006: 3) menyatakan bahawa politik merupakan sebahagian daripada masyarakat, sebagaimana yang dituliskannya, "Politik merupakan sesuatu yang tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan bermasyarakat makhluk yang bernama manusia". Pemahaman ini diperkukuhkan lagi dengan pandangan Syed Ahmad Hussein (1994: 22) bahawa politik merangkumi kepada tiga perspektif, iaitu pembahagian kuasa, penggunaan (dan penyalahgunaan) kuasa, dan pengaruh guna kuasa dalam masyarakat, sebagaimana yang dituliskannya, "...politik boleh dan selalu didekati daripada perspektif pembahagian kuasa, penggunaan (dan penyalahgunaan) kuasa, dan pengaruh guna kuasa dalam masyarakat".

Menurut Jeniri Amir (2005: 4), perebutan kuasa melibatkan orang politik melalui pertentangan idea, ideologi, dan fizikal, sebagaimana yang dituliskannya, "...dalam percubaan untuk mendapatkan kuasa dan pengaruh berkenaan, antara pelbagai kelompok pelaku politik sering berlaku konflik dan pertentangan idea, ideologi, malah fizikal". Menurut K. Ramanathan Kalimuthu (1987: 81-82) pula, kuasa merupakan suatu yang penting kepada pemimpin dalam mencapai sesuatu yang dikehendaknya, sebagaimana yang dituliskannya, "Kuasa penting untuk pemimpin mencapai matlamat dan kehendaknya, mendapatkan sokongan pengikut, supaya orang lain menaruh keyakinan dan kepercayaan, dan sebagai lambang kemegahan dan kekuatan". Ini jelas, kuasa merupakan kebolehan memaksa orang bawahan untuk melakukan suatu perkara sebagaimana kehendak orang berkuasa. Malah, kuasa yang dimiliki oleh pemerintah juga mampu menyelesaikan masalah atau konflik dan menjadikan orang bawahannya taat dan patuh pada arahnya.

Walau bagaimanapun, kekuasaan yang dimiliki oleh pemerintah memungkinkan tercetusnya satu konflik. Hal ini kerana timbulnya perbezaan pandangan antara individu dengan individu lain. Menurut pandangan Jeniri Amir (2005) yang memetik pendapat Alan R. Ball (1993: 5), manusia lebih cenderung kepada kerakusan nafsu untuk mendapatkan sesuatu, sebagaimana yang dituliskannya,

Kecenderungan umum manusia ialah kerakusan nafsu yang tiada sempadan untuk mendapatkan kuasa yang lebih banyak, kuasa yang hanya berakhir dengan kematian. Kuasa yang berakhir dengan kematian ini disebabkan seseorang pemerintah itu sedia mempertahankan dan memperjuangkan takhtanya daripada dirampas oleh musuhnya sendiri (Jeniri Amir, 2005: 3).

Dalam hal ini, menurut Haron Daud (1989: 97), raja mestilah menegakkan kerajaan dengan cara mempertahankannya daripada ancaman musuh, sebagaimana yang dituliskannya, "...raja memerlukan negeri untuk menegakkan kerajaan. Sehubungan dengan itu, raja harus mempertahankan negeri daripada ancaman atau serangan kuasa luar".

Lanjutan daripada kepentingan yang dinyatakan di atas, kajian ini akan memberikan fokus terhadap aspek politik dan pemerintahan. Dapat dikatakan bahawa aspek politik dan pemerintahan merupakan aspek penting yang perlu dikaji, sebagaimana petikan yang ditulis oleh Ishak Saat (2012),

Aspek politik dan pemerintahan merupakan aspek terpenting yang perlu dikaji dan diteliti, kerana kehidupan sesebuah masyarakat itu dapat diketahui tentang corak pemerintahan, organisasi bermasyarakat, dan maju mundurnya sesebuah kerajaan serta politik masyarakat terdahulu (Ishak Saat, 2012: 1).

Sehubungan itu, adalah penting untuk dinyatakan bahawa dalam bidang kesusasteraan Melayu, terdapat satu genre sastera yang dinamakan sebagai 'historiografi'. Genre 'historiografi' ini merujuk kepada penceritaan yang bercorak sejarah masa lalu yang menyentuh tentang budaya masyarakat Melayu, salasilah keturunan, dan falsafah masyarakat Melayu. Selain itu, bentuk penulisan karya ini mengikut ukuran masyarakat dan zamannya, sebagaimana pendapat Mardiah Mawar (2011: 1) yang mentakrifkan karya 'historiografi Melayu' sebagai "Karya-karya sastera bercorak sejarah mengandungi sumber informasi masa lalu yang mempunyai nilai sejarah seperti budaya masyarakat Melayu, salasilah keturunan, dan falsafah masyarakat Melayu". Begitu juga penjelasan Harun Mat Piah (2000: 279), sebagaimana yang dituliskannya, "Historiografi Melayu ialah hasil-hasil penulisan yang mengandungi unsur-unsur sejarah atau unsur-unsur yang bersifat

sejarah, mengikut konsep dan ukuran masyarakat dan zaman yang menghasilkannya”.

Lebih penting lagi dan berkaitan dengan fokus kajian ini ialah kenyataan bahawa karya-karya ‘historiografi Melayu’ dikatakan memanifestasikan dunia politik dan pemerintahan kerajaan Kesultanan Melayu. Hal ini antaranya diperakukan oleh Bazrul Bahaman (2006: 48), karya ‘historiografi Melayu’ merupakan sebuah penceritaan penting yang bersandarkan tentang politik, sebagaimana yang ditulisnya, “Sastera sejarah atau historiografi Melayu merupakan sebuah teks yang menceritakan perjalanan sebuah kerajaan yang bermotif politik sebagai satu unsur terpenting dalam penceritaan naskhah genre ini”. Selain itu, Tatiana Denisova (2015) menjelaskan bahawa karya ‘historiografi Melayu’ dijadikan sumber penting kepada para pengkaji terutama dalam bidang politik, ekonomi, agama, adat istiadat, dan lain-lain, sebagaimana yang tulisnya,

Karya-karya historiografi Melayu merupakan sumber yang amat penting untuk mengkaji sejarah masyarakat Melayu pada kurun ke-13 sehingga ke-19. Karya ini mewakili pelbagai aliran yang wujud dalam pelbagai zaman dan negara. Karya ini turut mengandungi banyak maklumat tentang cara kehidupan masyarakat Melayu terutama menyentuh tentang ekonomi, kehidupan intelektual, politik, agama, adat istiadat dan lain-lain (Tatiana Denisova, 2015: 128).

Kayanya manifestasi politik dan pemerintahan Kesultanan Melayu dalam karya-karya ‘historiografi Melayu’ turut diakui oleh Zalila Sharif (1995), sebagaimana dalam tulisannya,

...unsur politik Melayu Tradisional dapat dilihat dalam karya-karya sastera sejarah Melayu yang antaranya ialah *Sejarah Melayu*, *Hikayat Aceh*, *Hikayat Raja pasai*, *Tuhfat Al-Nafis*, dan *Salasilah Melayu dan Bugis*. Antara unsur-unsur ini ialah kerajaan, negara, pemerintahan, konflik dan sebagainya (Zalila Sharif, 1995: 22).

Begitu juga Haron Daud (1989) yang mengakui bahawa salah satu naskhah ‘historiografi Melayu’, iaitu naskhah *Sejarah Melayu (Sulalatus Salatin)* menyentuh tentang aspek politik masyarakat Melayu tradisional dengan menitik beratkan soal konsep raja dan kerajaan, sistem pemerintahan, kecemerlangan, dan kemalapan kuasa politik, sebagaimana yang ditulisnya, “...aspek politik masyarakat Melayu tradisional, terutama seperti yang digambarkan oleh *Sejarah Melayu*, lebih menitikberatkan konsep raja dan kerajaan; sistem pemerintahan; kecemerlangan dan kemalapan kuasa politik” (Haron Daud, 1989: 99).

Oleh itu, pada tahap ini, kajian ini berusaha untuk memperjelaskan satu perkara penting, iaitu potensi karya-karya 'historiografi Melayu' dalam menawarkan manifestasi-manifestasi berkaitan soal politik dan pemerintahan Kesultanan Melayu.

1.2 Pernyataan Masalah

Sebelum kedatangan Islam, aspek politik dalam istana-istana Melayu rata-rata dipengaruhi oleh Hinduisme. Menurut Kassim Thukiman (2002: 30), pandangan hidup Hinduisme menganggap raja sebagai 'jelmaan para dewa', sebagaimana yang dituliskannya, "...dalam konsep Hinduisme, raja dianggap sebagai bayangan tuhan di muka bumi atau dikenali sebagai jelmaan 'para dewa' ". Kenyataan ini diperkukuhkan lagi dengan pandangan daripada Siti Hawa Haji Salleh (2006: 27), yang menjelaskan tentang konsep 'dewa raja', sebagaimana yang dituliskannya, "Konsep 'dewa raja' bermaksud seorang raja mendapat restu kudus dan raja yang bertaraf dewa ini akan mencadangkan seseorang yang bakal menjadi raja berhak menduduki tempat tertinggi, kerana dianggap berketurunan para dewa". Menurut Ali Mohammad (2008), Hinduisme menjadi pegangan masyarakat Alam Melayu suatu ketika dahulu, sebagaimana yang dituliskannya,

Agama Hindu-Buddha sudah bertapak kukuh dalam setiap kehidupan masyarakat Alam Melayu hingga berabad-abad lamanya. Agama dan budaya ini begitu kuat dan sangat jelas mempengaruhi sistem politik, sosial, ekonomi dan pemikiran masyarakat Alam Melayu. Agama hindu boleh dikatakan menjadi anutan kebanyakan masyarakat atasan seperti golongan istana kerana ia amat sesuai untuk menjaga kepentingan politik dan sosial mereka sendiri (Ali Mohammad, 2008: 68).

Sehubungan itu, konsep 'raja sebagai jelmaan dewa' yang diperkenalkan oleh Hinduisme kemudiannya disuburkan oleh pihak istana dalam masyarakat Melayu. Dengan tersemainya konsep tersebut, struktur sosial masyarakat Melayu dengan sendirinya terbina secara hierarkikal yang diasaskan kepada darah keturunan. Struktur sosial inilah yang melahirkan konsep kasta yang membezakan lapis-lapis masyarakat, dengan raja menduduki lapisan yang tertinggi. Konsep kasta secara umumnya terbahagi kepada dua kelompok, iaitu golongan pemerintah (raja) atau bangsawan, dan golongan rakyat jelata (biasa) yang menjadi hamba kepada golongan pemerintah atau bangsawan tersebut.

Selain itu, Haron Daud (1989: 99) turut membangkitkan soal kuasa mutlak yang dimiliki oleh golongan raja kesan daripada konsep 'raja sebagai jelmaan dewa'. Kuasa mutlak inilah yang dianggap oleh Haron Daud mendorong raja untuk melakukan tindakan-tindakan yang berasaskan keinginan peribadi atau

kepentingan kuasa yang dimiliki sehingga dianggap menzalimi rakyat, sebagaimana yang dituliskannya, "...kuasa yang tidak terbatas membolehkan raja melakukan apa jua yang mendatangkan kepentingan kepada dirinya".

Oleh itu, soal kezaliman raja ini telah sedia dikaji oleh beberapa pengkaji berdasarkan karya-karya historiografi Melayu. Antaranya, kajian Siti Hawa Haji Salleh (2006) yang meneliti naskhah *Hikayat Raja-Raja Pasai*. Dalam kajiannya, Siti Hawa antaranya menganalisis cerita tentang kezaliman Sultan Ahmad yang membunuh puteranya sendiri, iaitu Tun Abdul Jalil. Pembunuhan ini berlaku disebabkan sifat cemburu Sultan Ahmad kerana Raden Galuh Gemerengang, iaitu anak Ratu Majapahit menaruh hati kepada puteranya. Menurut Siti Hawa lagi, kezaliman raja inilah yang membawa kepada pergolakan politik dalam pemerintahan Kerajaan Pasai, sebagaimana yang dituliskannya dalam petikan berikut:

Sultan Ahmad dianggap melakukan kezaliman akibat kerakusan nafsu kerana telah menitahkan Dara Zulaikha Tingkap membunuh anakanda sendiri yang bernama Tun Abdul Jalil. Peristiwa pembunuhan ini berlaku kerana baginda mengetahui bahawa angkatan Raden Galuh Gemerengang, iaitu anak Ratu Majapahit menaruh hati kepada anakanda baginda. Implikasi daripada tindakan baginda itu membawa kepada kehancuran kerajaan baginda apabila diserang oleh Majapahit (Siti Hawa Haji Salleh, 2006: 41).

Begitu juga kajian Cheah Boon Kheng (1993), yang membangkitkan soal kezaliman raja terhadap rakyatnya dengan meneliti naskhah *Sejarah Melayu*. Dalam kajiannya, Cheah Boon Kheng antaranya menganalisis cerita tentang kezaliman Raja Iskandar Syah terhadap gundiknya (anak Sang Rajuna Tapa), dengan menjatuhkan hukuman sula. Hukuman yang dijatuhkan ini dianggap memberi aib kepada rakyat dan melanggar waad. Menurut Cheah Boon Kheng lagi, kezaliman raja inilah yang membawa kepada kehancuran Kerajaan Singapura, sebagaimana yang dituliskannya,

Kezaliman Raja Iskandar Syah ini digambarkan dalam peristiwa gundiknya (anak Sang Rajuna Tapa) disula oleh baginda. Tindakan ini jelas memberi aib kepada rakyat dan melanggar waad. Akhirnya, kerajaan Singapura telah dibinasakan oleh Majapahit Raja Iskandar Syah melarikan diri dan kemudian mengasaskan negeri Melaka (Cheah Boon Kheng, 1993: 80).

Seterusnya, soal kezaliman raja terhadap rakyat yang dipaparkan dalam naskhah *Sejarah Melayu*, turut dikaji oleh Shaharuddin Maaruf (2014). Menurut Shaharuddin, kezaliman ini berlaku apabila Raja Muhammad membunuh Tun

Besar (anak Bendahara Paduka Raja Tun Perak). Peristiwa pembunuhan ini berlaku kerana destar (tengkolok) Raja Muhammad terkena bola raga yang disepak secara tidak sengaja oleh Tun Besar ketika bermain sepak raga. Menurut Shaharuddin lagi, kezaliman raja ini membawa kepada ketegangan antara Raja Muhammad dengan rakyatnya yang ingin menuntut bela di atas kematian Tun Besar, sebagaimana yang dituliskannya dalam petikan berikut:

...tindakan golongan memerintah yang kasar dan kejam pasti berpunca dari keangkuhan berkuasa dan berkedudukan mulia. Raja Muhammad yang pada suatu hari pergi berkuda ke kampung Bendahara Paduka Raja. Tun Besar, anak Bendahara yang sedang bermain sepak raga bersama-sama beberapa pengikut, dengan tidak sengaja tersepak bola raga terkena destar Raja Muhammad sehingga terpelanting ke tanah. Dengan keberangan yang tak setimpal, yang berkemungkinan terpancar cuma dari keangkuhan berkuasa, Raja Muhammad menghunuskan keris dan terus menikam mati Tun Besar. Pembunuhan itu mencetuskan kegemparan dan ketegangan apabila anak-anak buah Bendahara bergegas-gegas untuk membela kematian Tun Besar (Shaharuddin Maaruf, 2014: 21).

Seterusnya, naskhah *Sejarah Melayu* turut dikaji oleh Auni Abdullah (1991) dengan memberikan fokus terhadap kezaliman raja ke atas rakyatnya, yang dianggap sebagai punca berlakunya pergolakan politik dalam pemerintahan Kesultanan Melaka. Kajian Auni ini, antaranya membangkitkan kezaliman Sultan Mahmud Shah yang merampas Tun Fatimah dan membunuh Tun Ali (suami Tun Fatimah), dan Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir. Menurut Auni lagi, kezaliman Sultan Mahmud Shah ini membawa kepada kejatuhan Melaka ke tangan Portugis pada tahun 1511, sebagaimana yang dituliskannya,

Sejarah Melayu dengan tegas menyebut bahawa penindasan raja ke atas rakyatnya dapat menghancurkan kerajaannya. Keadaan ini diuraikan oleh *Sejarah Melayu* dengan menggambarkan kezaliman Sultan Mahmud Shah yang sanggup merampas Tun Fatimah daripada suaminya, Tun Ali dan kemudian membunuh Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir, bapa Tun Fatimah. Kezaliman beliau berakhir dengan kejatuhan Melaka ke tangan Portugis dalam tahun 1511 (Auni Abdullah, 1991: 10).

Adalah jelas daripada kajian-kajian ilmiah di atas, bahawa soal kezaliman raja terhadap rakyat menjadi antara episod penting yang dimanifestasikan dalam karya-karya 'historiografi Melayu' seperti naskhah *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Raja-Raja Pasai*. Soal kezaliman ini kemudiannya dianggap mencetuskan konflik politik dalam pemerintahan Kesultanan Melayu tersebut. Hal ini membuka ruang kepada penyelidik untuk mengkaji konflik politik dalam

pemerintahan Kesultanan Melayu menerusi naskhah *Tuhfat Al-Nafis* dan *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* pula.

Selain itu, terdapat pandangan yang menganggap bahawa kedatangan kuasa asing juga menyumbang kepada pergolakan dalam politik dan pemerintahan di Alam Melayu. Kajian Ahmad Faisal Abdul Hamid (2010) antara lain menyatakan bahawa penjajah asing seperti Portugis yang masuk campur tangan dalam menguasai pentadbiran negeri telah menimbulkan konflik, sebagaimana yang dituliskannya,

Kedatangan penjajah yang bermula dengan Portugis (1511), diikuti Belanda dan kemudiannya Inggeris (1874), mula mewarnai kehidupan bangsa Melayu sehingga kehilangan kekuatan daya juang dan pemerintahan. Segala urusan pemerintahan negara dicampuri oleh kuasa asing dan mengurangkan kuasa raja atau sultan Melayu, dan menimbulkan konflik dalam pemerintahan (Ahmad Faisal Abdul Hamid, 2010: 119).

Menurut Abdul Rahman Haji Ismail (2008), implikasi daripada campur tangan Portugis itu menyebabkan kepimpinan politik Kesultanan Melayu Melaka menjadi lemah, sebagaimana yang dituliskannya,

...selepas peristiwa ini tercetuslah kemelut dalaman politik Kesultanan Melayu Melaka yang menjerumuskan kepimpinannya ke tahap terlemah dalam sejarah. Tunjang kekuatan Melaka tiba-tiba rebah apabila semua peneraju utamanya dibunuh, dipecat atau mengundurkan diri (Abdul Rahman Haji Ismail, 2008: 29).

Menurut Auni Abdullah (2001: 307) pula, penaklukan kuasa asing menjadi punca kejatuhan empayar Kesultanan Melayu Melaka, sebagaimana yang dituliskannya, "Kejayaan penaklukan kuasa asing ini telah melumpuhkan Kesultanan Melaka sebagai sebuah kuasa politik Islam yang terunggul di Alam Melayu". Adalah jelas bahawa kedatangan kuasa asing dianggap sebagai punca terjadinya pergolakan politik dan pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka.

Berlatar belakangkan dapatan-dapatan kajian-kajian ilmiah di atas, kajian ini akan memfokuskan penelitian terhadap konflik-konflik politik dalam pemerintahan Kesultanan Melayu yang terserlah melalui karya-karya historiografi Melayu. Fokus ini diasaskan kepada pandangan-pandangan ilmiah di atas yang rata-rata menganggap bahawa karya-karya historiografi Melayu memanifestasikan konflik-konflik politik dalam pemerintahan yang melanda dalam Kerajaan Kesultanan Melayu. Antara yang sudah pun diteliti ialah konflik

politik dalam pemerintahan dalam naskhah-naskhah seperti *Sejarah Melayu (Sulalatus Salatin)*, dan *Hikayat Raja-Raja Pasai*. Selain kedua-dua naskhah ini, kajian ini ingin menarik perhatian terhadap dua buah naskhah historiografi Melayu yang lain, iaitu naskhah *Tuhfat Al-Nafis* karangan Raja Ali Haji (1808-1873) dan naskhah *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* karangan Muhammad Hassan (1868-1942). Pengamatan awal mendapati bahawa kedua-dua naskhah ini yang tergolong sebagai karya historiografi Melayu, turut memmanifestasikan konflik-konflik politik dalam pemerintahan Kesultanan Melayu, sebagaimana yang akan diperlihatkan secara lebih lanjut dalam kajian ini nanti.

Pada tahap ini, memadai dikatakan bahawa sehingga kini dan sepanjang yang diketahui, daripada beberapa kajian lepas didapati bahawa kajian tentang konflik politik dalam pemerintahan yang berfokuskan kepada genre historiografi Melayu masih kurang dihasilkan. Hal ini membuka ruang kepada penyelidik dalam kajian yang akan dilakukan di dalam genre historiografi Melayu, iaitu naskhah *Tuhfat Al-Nafis* dan naskhah *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. Merujuk naskhah *Tuhfat Al-Nafis*, sehingga kini terdapat beberapa kajian ilmiah yang telah diusahakan terhadapnya. Antaranya ialah tesis kedoktoran Mardiana Nordin yang bertajuk 'Perang Melayu Pada Abad ke-18 dan ke-19: Kajian Berdasarkan Naskhah *Tuhfat Al-Nafis*, *Hikayat Pahang*, *Kenangan-Kenangan Selangor* dan *Hikayat Seri Kelantan*' (2011). Sebagaimana yang jelas pada tajuknya, selain naskhah *Tuhfat Al-Nafis*, tesis ini turut meneliti naskhah *Hikayat Pahang*, *Kenangan-Kenangan Selangor* dan *Hikayat Seri Kelantan*. Tesis ini menumpukan terhadap peperangan yang berlaku dalam naskhah-naskhah Melayu dan memahami budaya perang Melayu pada abad ke-18 dan ke-19. Kajian Mardiana mendapati bahawa naskhah-naskhah yang dikaji memberi banyak maklumat-maklumat penting terutama tentang peperangan Johor dengan Siak, peperangan saudara antara Wan Ahmad dengan Wan Mutahir, peperangan disebabkan oleh perebutan takhta di Kelantan, dan peperangan Klang. Kajian Mardiana turut menyatakan bahawa setiap peristiwa peperangan dalam naskhah ini menyerlahkan kewibawaan dan kredibiliti naskhah Melayu sebagai sumber sejarah. Pengarang-pengarang naskhah ini juga dianggap turut terlibat dalam peristiwa yang ditulisnya itu sebagaimana yang disimpulkan oleh Mardiana Nordin (2011: 372, 377),

Naskhah *Tuhfat Al-Nafis*, *Hikayat Pahang*, *Hikayat Seri Kelantan* dan *Kenang-Kenangan Selangor* sebenarnya telah memainkan peranan penting dalam membantu usaha menggali seberapa banyak mungkin data dan maklumat berhubung perang Johor- Siak, perang saudara Wan Ahmad- Wan Mutahir, perang perebutan takhta di Kelantan dan Perang klang. Segala dapatan melalui penelitian daripada naskhah-naskhah Melayu sebagai sumber sejarah berjaya dibuktikan.... Malahan jika dilihat kepada pengarang *Hikayat Pahang* dan *Kenang-Kenangan Selangor*, pengarang sendiri terlibat di dalam kancah peperangan yang ditulisnya (Mardiana Nordin, 2011: 372, 377).

Selain itu ialah tesis sarjana Aiza Maslan@Baharudin bertajuk 'Teori Ibn Khaldun: Kajian Kejatuhan Peradaban Islam Melaka dan Kebangkitan Kuasa Portugis di Melaka' (2000). Selain meneliti naskah *Tuhfat Al-Nafis*, tesis ini turut meneliti naskah *Sulalatus Salatin*, *Kisah Pelayaran Abdullah* dan *Hikayat Raja-Raja Pasai*. Tesis ini menumpukan kejatuhan peradaban Islam Melaka. Kajian Aiza ini menerapkan teori 'Umran yang diutarakan oleh Ibn Khaldun, yang secara asasnya merujuk kepada proses kemajuan yang dicapai oleh manusia secara kolektif. Dengan menerapkan teori ini, kajian ini mendapati bahawa kejatuhan peradaban Islam Melaka disebabkan keadaan politik Melaka seperti kezaliman pemerintahan Sultan Mahmud Syah, penyebaran budaya fitnah, zina dan lain-lain. Hal ini dianggap telah mendorong Portugis menyerang Melaka, sebagaimana yang disimpulkan oleh Aiza Maslan (2000) dalam petikan berikut,

Kekuasaan dan kegemilangan Melaka tidak kekal lama akibat merebaknya penyakit-penyakit sosial, seperti budaya fitnah-memfitnah, perzinaan, dan amalan rasuah. Ini ditambah pula dengan kezaliman pemerintahan Sultan Mahmud Syah yang bertindak mengikut hawa nafsu. Kekalahan peradaban Islam Melaka di tangan Portugis, mungkin dapat dihindari seandainya sultan Mahmud Syah melaksanakan dasar-dasar pemerintahan yang adil (Aiza Maslan, 2000: 97-98).

Naskah *Tuhfat Al-Nafis* juga turut menjadi bahan kajian dalam artikel oleh Noriah Taslim bertajuk '*Tuhfat Al-Nafis*: Falsafah Politik Raja Ali Haji' (2009). Kajian Noriah ini meneliti kepada sifat pengarang naskah tersebut iaitu Raja Ali Haji. Artikel ini antaranya menyimpulkan bahawa pemikiran politik Raja Ali Haji mengawal proses penulisan *Tuhfat Al-Nafis*. Sehubungan itu, Noriah merumuskan bahawa Raja Ali Haji merupakan seorang cendekiawan, anti-Barat dan mempunyai semangat keislaman, sebagaimana yang ditulisnya,

Istana Riau menjadi perkampungan untuk cendekiawan Bugis yang warak dan komited kepada agama Islam. Islam menjadi agenda utama dalam pentadbiran Bugis di Riau dan segala keperihalannya tentang Islam menjadi tema dasar dalam penulisan keluarga bangsawan Bugis. Dalam kelompok bangsawan inilah munculnya Raja Ali Haji, cendekiawan sekali gus ulama yang cukup konservatif, anti-Barat dan kuat iltizam Islamnya. Pemikiran politik yang kuat mengawal proses kreatif Raja Ali Haji dan *Tuhfat* dicernakan secara langsung daripada pemikiran tersebut (Noriah Taslim, 2009: 59-60).

Manakala, naskah *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* pula sehingga kini telah dikaji oleh beberapa orang pengkaji. Antaranya ialah Salmah Jan Noor Muhammad dalam tesis kedoktoran bertajuk 'Ilmu Diplomati Melayu dalam

Kesusasteraan Melayu Tradisional' (2012). Selain meneliti naskah *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, tesis ini turut meneliti naskah *Sulalatus Salatin, Hikayat Hang Tuah, Hikayat Merong Mahawangsa, Tuhfat Al-Nafis, Hikayat Aceh* dan *Warisan Warkah Melayu*. Tesis kedoktoran ini merumuskan beberapa kesimpulan pentingnya. Antaranya, soal strategi diplomatik yang dilaksanakan oleh masyarakat Melayu dan implikasi daripada strategi diplomatik itu, termasuk kegagalan hubungan diplomatik yang dijalankan. Sehubungan itu, kajian ini mendapati bahawa terdapat empat strategi hubungan diplomatik, iaitu pemilihan dan penghantaran utusan kerajaan, warkah Melayu sebagai penghubung jalinan diplomatik antara kerajaan, pemberian hadiah diplomatik, dan kepelbagaian strategi diplomatik. Selain itu ialah implikasi hubungan diplomatik yang didapati memberikan kesan terhadap aspek politik, sosio-budaya, ekonomi dan agama. Begitu juga kegagalan hubungan diplomatik yang disebabkan kegagalan mengawal emosi dan mental dalam sesebuah hubungan diplomatik yang dijalankan, sebagaimana yang disimpulkan oleh Salmah Jan Noor Muhammad (2012: 525, 528, 530),

Antara strategi yang dikenal pasti oleh pengkaji menerusi naskah sastera Melayu pilihan ialah pemilihan dan penghantaran utusan, penggunaan warkah, pemberian hadiah, dan kepelbagaian strategi.... Kesan daripada kejayaan strategi diplomatik Melayu, pengkaji dapat melihat beberapa perubahan yang berlaku dalam sesebuah kerajaan. Perubahan tersebut mencakupi aspek politik, sosiobudaya, ekonomi dan agama.... Sementara itu, faktor kerencatan mewujudkan dan melangsungkan hubungan diplomatik antara kerajaan merupakan sifat negatif orang Melayu. Kegagalan mengawal emosi dan mental serta fizikal telah mengakibatkan berlakunya kerencatan ini (Salmah Jan Noor Muhammad, 2012: 525, 528, 530).

Naskah *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* turut dijadikan sebagai bahan kajian dalam tesis sarjana oleh Siti Fairus Kamarudin bertajuk 'Manuskrip *Undang-Undang Kedah: Kajian Unsur-Unsur Etnografi Melayu*' (2015). Dalam meneliti naskah *Undang-Undang Kedah* itu, kajian Siti Fairus turut memanfaatkan beberapa naskah historiografi Melayu termasuk *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, dan *Hikayat Merong Mahawangsa*. Naskah *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* dijadikan sebagai bahan rujukan bagi menyerlahkan unsur-unsur etnologi Islam mengenai adat istiadat tradisional Kesultanan Melayu Kedah, iaitu adat istiadat nobat diraja Kedah. Menurut Siti Fairus, nobat merupakan muzik tradisional Melayu yang diangkat sebagai alat muzik kebesaran diraja. Justeru, adalah dipercayai bahawa nobat Kedah merupakan nobat tertua yang diperkenalkan oleh Maharaja Derbar Raja, sebagaimana yang dijelaskan oleh Siti Fairus dalam petikan ini,

Dalam adat istiadat tradisional Kesultanan Melayu Kedah, nobat yang tertua dalam Kesultanan Melayu dipercayai Nobat Kedah. berdasarkan *Al-Tarikh Salasilah Negeri*

Kedah, nobat Kedah berasal dari Parsi yang diperkenalkan oleh raja Kedah yang pertama, iaitu Maharaja Derbar Raja (Siti Fairus Kamarudin, 2015: 141).

Turut relevan untuk diamati ialah kajian oleh Mahayudin Haji Yahya bertajuk 'Undang-Undang Laut dan Perdagangan Negeri Kedah Abad ke-17' (1996). Kajian Mahayudin ini memberikan fokus terhadap undang-undang laut dan perdagangan di negeri Kedah, dengan merujuk kepada naskhah *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, selain naskhah *Salasilah* atau *Tawarikh Kerajaan Kedah*. Berdasarkan kajian Mahayudin ini, perdagangan negeri Kedah dikawal oleh penaung utama iaitu raja. Kemudian raja melantik para pembesar mengikut jawatan-jawatan tertentu seperti Panglima Negeri, Panglima Bandar, Syahbandar dan lain-lain jawatan, bagi melancarkan pemerintahan dan pentadbiran negeri Kedah. Jawatan-jawatan ini terletak di bawah undang-undang adat dan undang-undang Islam, sebagaimana yang ditulis dalam petikan di bawah ini,

Bagi mengendalikan urusan perdagangan import-eksport dan cukai, membabitkan pucuk pimpinan iaitu raja dan para pembesar negeri yang terdiri daripada Panglima Negeri, Panglima Bandar dan Syahbandar. Mereka ini diberi tugas-tugas khas. Segala tugas itu dilaksanakan menerusi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan, di mana bersandarkan kepada undang-undang adat dan undang-undang Islam. Disimpulkan bahawa dengan terlaksananya undang-undang ini membuktikan bahawa Kedah merupakan sebuah negeri di Malaysia yang sudah maju, khususnya dari segi perdagangan sejak abad ke 17 (Mahayudin Haji Yahya, 1996: 46).

Seterusnya, berdasarkan kepada naskhah *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, kajian Mahayudin (1996) turut merumuskan bahawa undang-undang laut dan perdagangan negeri Kedah disalin dan diubahsuai daripada undang-undang Aceh, sebagaimana yang ditulisnya,

Undang-undang Laut dan Perdagangan Negeri Kedah ditulis/ disalin pada tahun 1060 Hijrah. Dipercayai bahawa undang-undang tersebut disalin dan diubahsuai daripada undang-undang Aceh. Ini berdasarkan hubungan dan pengaruh Aceh ke atas negeri Kedah yang begitu kuat pada ketika itu. Menurut *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, karangan Mohd Hassan bin Tok Kerani, iaitu Sultan Sulaiman Syah (1011-1035 H/ 1602-1625M) telah melawat Aceh pada tahun 1035 H/ 1625 M dan seterusnya mengadakan hubungan diplomatik dengan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam yang memerintah Aceh pada waktu itu. Pada zaman inilah (1060 H/ 1650 M) Undang-undang

Laut dan Perdagangan Negeri Kedah ditulis berdasarkan Hukum Kanun Dato' Besar Kota Setar. Di Aceh juga terdapat sebuah undang-undang yang digubal pada zaman Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam yang dinamakan Kanun Mahkota Alam (Mahayudin Haji Yahya, 1996: 33).

Bertitik tolak daripada beberapa kajian terdahulu yang turut meneliti naskhah *Tuhfat Al-Nafis* dan naskhah *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, didapati rata-rata kajian-kajian lepas lebih memfokuskan kepada peperangan di Alam Melayu, peradaban Islam di Melaka, pemikiran pengarang, hubungan diplomatik di Alam Melayu, persoalan pengaruh Islam dalam adat-adat masyarakat Melayu, dan undang-undang laut serta perdagangan negeri Kedah. Hal ini telah membuka ruang kepada penyelidik pentingnya mengusahakan satu kajian ilmiah yang secara khusus meneliti konflik politik dalam pemerintahan Kesultanan Melayu dalam naskhah *Tuhfat Al-Nafis* dan naskhah *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. Sesungguhnya, kajian ini hadir bagi mengisi keperluan ini dan memperluas lagi skop kajian berdasarkan genre historiografi Melayu dalam pelbagai bidang di negara ini, juga menambahkan sumbangan ilmu baru dalam penyelidikan sastera Melayu.

Oleh itu, berdasarkan pernyataan masalah tersebut, beberapa persoalan kajian telah dibentuk untuk dibincangkan dan dihuraikan. Persoalan yang timbul dalam kajian ini adalah seperti mana berikut:

- i) Apakah konflik politik dalam pemerintahan Kesultanan Melayu dalam naskhah *Tuhfat Al-Nafis* dan naskhah *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, dan
- ii) Bagaimana punca-punca terjadinya konflik politik dalam pemerintahan Kesultanan Melayu, sebagaimana yang dimanifestasikan dalam naskhah *Tuhfat Al-Nafis* dan naskhah *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*.

1.3 Objektif Kajian

Bertitik tolak daripada permasalahan tersebut, kajian ini menggariskan dua objektif kajian, iaitu:

- i) Menganalisis konflik politik dalam pemerintahan Kesultanan Melayu dalam naskhah *Tuhfat Al-Nafis* dan naskhah *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, dan
- ii) Merumuskan punca-punca terjadinya konflik politik dalam pemerintahan dalam Kesultanan Melayu, sebagaimana yang dimanifestasikan dalam naskhah *Tuhfat Al-Nafis* dan naskhah *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*.

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting untuk diusahakan bagi memperkayakan lagi hasil pengkajian tentang kedua-dua naskhah yang dikaji, iaitu naskhah *Tuhfat Al-Nafis* dan *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. Kajian ini juga diharap dapat membantu para pengkaji, khususnya yang berkecimpung dalam pengkajian genre sastera historiografi bagi memperluaskan lagi sempadan serta ufuk kajian sedia ada. Kajian ini juga diharap dapat memberi manfaat kepada kajian-kajian dalam disiplin-disiplin ilmu yang lain, terutamanya sains politik dan sejarah. Secara keseluruhannya, kajian ini dan penemuan-penemuan ini nanti diharap sekurang-kurangnya dapat memperkayakan lagi korpus penyelidikan dan keserjanaan, khususnya dalam bidang kesusasteraan Melayu.

1.5 Batasan Kajian

Sebagaimana yang telah dijelaskan di atas, dalam konteks konflik politik dalam pemerintahan, kajian ini ingin menarik perhatian terhadap dua buah naskhah yang tergolong sebagai karya historiografi Melayu, iaitu naskhah *Tuhfat Al-Nafis* hasil karangan Raja Ali Haji dan naskhah *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* hasil karangan Muhammad Hassan To' Kerani Mohd. Arshad. Sehubungan itu, kajian ini membataskan bahan kajiannya kepada dua buah karya historiografi Melayu tersebut.

1.5.1 *Tuhfat Al-Nafis*

Merujuk kepada naskhah *Tuhfat Al-Nafis*, Ahmad Fauzi Basri (1991) menjelaskan bahawa hasil karangan Raja Ali Haji itu sehingga kini ditemui sebanyak lima buah naskhah dalam dua versi, iaitu versi pendek dan versi panjang. Daripada lima buah naskhah tersebut, hanya terdapat satu naskhah versi pendek, sebagaimana yang dituliskannya,

Dari kelima-lima teks *Tuhfat Al-Nafis* hanya sebuah yang merupakan versi pendek. Panjangnya lebih kurang 88,000 perkataan, sementara empat lagi teks adalah mewakili versi panjang, setiap satu lebih kurang 127,000 perkataan (Ahmad Fauzi Basri, 1991: 18).

Menurut Ahmad Fauzi Basri (1991: 92-106), versi pendek *Tuhfat Al-Nafis* adalah kepunyaan Arend Ludolf Van Hasselt, iaitu seorang Residen Belanda di Riau. Manuskrip ini ditulis dalam tulisan Jawi dan mengandungi 182 halaman. Manakala, empat lagi manuskrip versi panjang *Tuhfat Al-Nafis* merupakan milik William Edward Maxwell yang bertulisan Jawi dan setebal 26 halaman. Versi kedua ialah milik R.O. Winstedt yang mempunyai 299 halaman. Versi ketiga

pula milik Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur yang bertulisan Jawi dan mempunyai 545 halaman. Manakala, versi keempat merupakan milik Universiti Leiden, Belanda yang diserahkan oleh Dr. A. Rinks, yang tulisan Jawi dan mempunyai 226 halaman (Ahmad Fauzi Basri, 1991: 92-106).

Menurut Noriah Taslim (2009: 59), naskhah *Tuhfat Al-Nafis* merupakan hasil karya asal oleh Raja Ali Haji dari Pulau Penyengat, Riau, yang dihasilkan dalam lingkungan tahun 1866-1872 di Istana Riau, sebagaimana yang dituliskannya, "*Tuhfat Al-Nafis* ditulis dalam lingkungan tahun 1866-1872 di Istana Riau, beberapa tahun selepas Sultan Mahmud ke-IV disingkirkan dari Istana Lingga oleh Belanda (1857)...".

Menurut Ali Ahmad et al. (2005: 24) pula, naskhah *Tuhfat Al-Nafis* menceritakan tentang pemerintahan Kerajaan Johor-Riau, sebagaimana yang dituliskannya,

...objek yang menjadi perhatian pengarang, adalah pemerintahan kerajaan Johor-Riau sejak zaman pemerintahan Sultan Sulaiman dan Yang Dipertuan Muda (Puteri Bugis bergelar Kelana Jaya Putera) hinggalah kepada campur tangan Belanda pada ketika pemerintahan Sultan Mahmud dan Yang Dipertuan Muda Raja Abdullah. Campur tangan Belanda ini berlaku disebabkan kedaulatan Sultan Mahmud dan Yang Dipertuan Muda Raja Abdullah sebagai seorang pemerintah semakin lemah terutama pada ketika itu, kerana berlakunya tindakan rampasan kuasa oleh kerabat diraja yang lain (Ali Ahmad et al. , 2005: 24).

1.5.2 *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*

Manakala, merujuk kepada naskhah *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* pula, menurut Syed Nasir Ismail (1968: xv-xvi) dalam bahagian pendahuluan naskhah *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada tahun 1968 itu, menjelaskan bahawa hasil karangan Muhammad Hassan To' Kerani Mohd. Arshad itu sehingga kini tersimpan dalam satu versi sahaja. Pengarangnya, Muhammad Hassan To' Kerani merupakan seorang yang mempunyai kaitan dengan golongan istana dan kerabat Raja Kedah. Menurut Syed Nasir lagi, keseluruhan penceritaan dalam naskhah ini mengenai sejarah negeri Kedah dan meriwayatkan tentang hubungan-hubungan Kedah dengan negeri-negeri luar seperti Siam dan Kerajaan Inggeris, sebagaimana yang ditulis oleh Syed Nasir,

Penyusun buku ini Allah Yarham Enche' Muhammad Hassan bin To' Kerani, ialah seorang yang telah turun-temurun berdamping rapat dengan kalangan istana dan

kerabat Diraja Kedah. Sungguh pun keseluruhan isi buku ini mengenai sejarah negeri Kedah, tetapi beberapa bahagiannya meriwayatkan hubungan di antara Kedah dengan negeri-negeri luar, terutamanya dengan Siam, dan kerajaan Inggeris (Mohd. Zahid Mohd Shah, 1968: xv-xvi).

Menurut Mohd. Zahid Mohd Shah (1968), naskhah *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* yang diberikan transliterasi dan disusun oleh beliau itu, merupakan salinan daripada naskhah asal yang bertulisan tangan (huruf Jawi) oleh Muhammad Hassan pada tahun 1927. Naskhah asal ini yang setebal 146 halaman, dimiliki oleh Encik Soda Bin Mohd Hassan, dan kemudiannya diserahkan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, sebagaimana yang dituliskannya,

Buku *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* yang diusahakan ini adalah salinan daripada naskhah asal tulisan tangan huruf Arab yang dituliskan dalam tahun 1927 oleh Encik Muhammad Hassan J.P anak To' Kerani, Kerani Rahsia Al-Marhum Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah. Naskhah asal itu kepunyaan Encik Soda Bin Mohd Hassan dan dihadihkannya kepada Dewan Bahasa dan Pustaka. Naskhah itu mempunyai 146 halaman (Mohd. Zahid Mohd Shah, 1968: xxi).

Menurut Mohd. Zahid (1968) lagi, keseluruhan naskhah ini berkisar tentang sejarah negeri Kedah, sebagaimana yang dituliskannya,

Pada keseluruhan naskhah *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* berkisar tentang sejarah negeri Kedah, iaitu salasilah raja-raja yang memerintah negeri Kedah daripada raja pertama, iaitu Maharaja Derbar Raja, hingga Sultan Abdul Hamid Halim Shah. Salasilah raja-raja Kedah ini disulami dengan peristiwa-peristiwa sejarah yang berlaku oleh negeri Kedah dari semasa ke semasa (Mohd. Zahid Mohd Shah, 1968: xxi).

Menurut Mohd. Zahid (1968), pada bahagian permulaannya, naskhah ini menceritakan orang-orang yang mendiami negeri Kedah atau disebut Qalha. Istilah Qalha merujuk kepada nama negeri Kedah sebelum kedatangan Islam, sebagaimana yang dituliskannya,

Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah dimulakan dengan menceritakan secara ringkas mengenai asal-usul orang-orang yang mula mendiami Tanah Melayu iaitu kira-kira 300 tahun sebelum zahirnya Nabi Muhammad. Buku ini

khususnya menceritakan mengenai orang-orang yang mendiami negeri Kedah (nama bagi negeri Kedah sebelum kedatangan Islam ialah Qalha (Mohd. Zahid Mohd Shah, 1968: xxii).

Selain itu, menurut Mohd. Zahid (1968) lagi, naskhah ini menceritakan tentang raja negeri Kedah pertama, iaitu Maharaja Derbar Raja, seorang raja buangan yang datang dari negeri Gumarun, Parsi. Baginda dikalahkan oleh seorang raja yang lebih kuat kuasanya, dan menyebabkan baginda keluar negeri bersama anak serta isterinya berlayar dengan sebuah babur (kapal) menuju ke timur, dan akhirnya sampai ke negeri Kedah. Kebetulan pada ketika itu, negeri Qalha tidak mempunyai raja, dan diperintah oleh ketua-ketua yang dipilih antara mereka sahaja. Dengan itu, ketua-ketua orang Qalha mengangkat Maharaja Derbar Raja menjadi raja mereka, sebagaimana yang dituliskan,

Mengikut *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, raja negeri Kedah yang pertama ialah Maharaja Derbar Raja itulah seorang raja buangan yang datang dari negeri Gumarun, sebuah tempat di Parsi. Sebenarnya Maharaja Derbar Raja dikalahkan oleh seorang raja yang lebih kuat daripadanya, menyebabkan ia keluar negeri. Ia berlayar dengan sebuah babur menuju ke timur. Akhirnya ia sampai di Qalha. Kebetulan pada masa itu negeri Qalha masih belum mempunyai raja tetapi diperintah oleh ketua-ketua yang dipilih di antara mereka. Maka ketua-ketua orang Qalha mengangkat Maharaja Derbar Raja menjadi raja mereka (Mohd. Zahid Mohd Shah, 1968: xxii).

Menurut Jelani Harun (2006), naskhah *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* merupakan karya sejarah yang bersifat fakta, sebagaimana yang dituliskan,

Naskhah ini tergolong sebagai karya sejarah yang bersifat fakta, berbanding dengan karya sastera bercorak sejarah yang ada sebelumnya. Penulisannya lebih mendekati ciri persejarahan moden, termasuk menceritakan peristiwa semasa dan memasukkan tarikh tentang sesuatu peristiwa. Dari sudut lain, naskhah ini memberi gambaran penting tentang sejarah masyarakat Melayu. Bermula daripada penulisan beberapa buah karya sastera bercorak sejarah yang awal sekitar abad ke-16 dan ke-17 hingga penulisan naskhah ini pada awal abad ke-20, tergambar beberapa perubahan dalam pemahaman dan persepsi sejarah menurut pengarang di istana-istana Melayu (Jelani Harun, 2006: 21).

Seterusnya, menurut Mohammad Isa Othman (2006) pula, penulisan naskhah *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* masih mengekalkan ciri-ciri asas karya historiografi, sebagaimana yang ditulisnya,

Naskhah ini bermakna untuk melihat perubahan perspektif persejarahan Melayu, khususnya di Kedah. Pemikiran dan kecenderungan Barat khususnya Inggeris, diceritakan secara jelas. Peristiwa yang mempunyai kaitan dengan Inggeris dicatatkan, sebelum campur tangan kuasa Barat itu, dan tidak begitu signifikan terhadap sejarah Kedah. Hal itu juga sarat dengan maklumat sejarah politik, budaya dan pentadbiran. Dalam konteks ini, terhasilnya naskhah ini bagi memperlihatkan tahap kemodenan dalam penulisan sejarah. Ia turut mengekalkan beberapa ciri asas kepengarangan istana Melayu masa silam (Mohammad Isa Othman, 2006: 13).

Menurut Jelani Harun (2006: 38), satu lagi kelebihan yang ada pada naskhah *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* ialah penulisannya yang menyatukan dua aspek iaitu apa yang disebut sebagai seni kesusasteraan, dengan mesej berkaitan kenegaraan, sebagaimana yang ditulisnya, "...penerapan bauran seni kesusasteraan dan pesanan kenegaraan Melayu awal abad ke-20".

Untuk tujuan analisis, kajian ini akan memanfaatkan naskhah *Tuhfat Al-Nafis* yang ditransliterasikan dan diberikan pengenalan oleh Virginia Matheson Hooker, dan diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada tahun 1991, setebal 735 halaman bercetak. Manakala, naskhah *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* yang dijadikan sebagai bahan analisis ialah versi yang ditransliterasikan dan disusun oleh Mohd. Zahid Mohd Shah, dan diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada tahun 1968, setebal 287 halaman bercetak.

1.6 Definisi Konsep

Bahagian seterusnya akan menyenaraikan empat perkataan yang menjadi kata kunci dalam kajian ini, iaitu 'konflik', 'politik', 'pemerintahan' dan 'historiografi Melayu'.

1.6.1 'Konflik'

Kamus Dewan Edisi Keempat (2005: 649) menjelaskan bahawa, " 'konflik' merujuk kepada perselisihan atau pertentangan antara individu, idea, kepentingan dan lain-lain", sebagaimana yang dicatatkan, " 'Konflik' dirujuk sebagai perselisihan atau pertentangan yang lazimnya merujuk melibatkan dua

pihak atau perkara”. Dalam konteks kesusasteraan, Hashim Awang (1987) menjelaskan bahawa ‘konflik’ merujuk kepada pertentangan watak-watak dalam satu plot cerita, sebagaimana yang dituliskannya,

‘Konflik’ merupakan pergelutan yang timbul, kerana wujudnya pertentangan antara dua pihak atau dua kekuatan dalam sesuatu urutan plot cerita. Pertentangan ini mungkin timbul dalam diri watak atau antara dua watak, ataupun antara watak dengan masyarakat dan lingkungannya (Hashim Awang, 1987: 51).

Manakala, Maimunah Haji Omar (1992: 6) pula menjelaskan bahawa ‘konflik’ bermaksud pertentangan yang wujud dalam tiga kelompok, sebagaimana yang dituliskannya, “ ‘Konflik’ berlaku disebabkan pertentangan yang wujud sama ada konflik manusia dengan manusia, atau manusia dengan alam, atau manusia dengan Tuhan”.

Menurut Mana Sikana (2006) pula, ‘konflik’ berlaku disebabkan pertentangan fizikal atau bersifat peribadi, sebagaimana yang dituliskannya,

‘Konflik’ merupakan pertentangan fizikal dan luaran atau peribadi dan dalaman seseorang. Pertentangan fizikal dan luaran melibatkan manusia, iaitu beradu kekuatan sesama manusia, manusia dengan binatang, manusia dengan alam dan sebagainya. Pertentangan peribadi dan dalaman pula, bersifat kejiwaan dalam diri manusia yang terpaksa memilih satu antara dua (Mana Sikana, 2006: 8).

Sementara itu, Ismail Restu (2006: 8) pula berpendapat ‘konflik’ berlaku disebabkan pertentangan watak dalam penceritaan, sebagaimana yang dituliskannya, “ ...‘konflik’ politik boleh berlaku kerana wujud pertentangan kepentingan dalam kalangan watak. Sebagai contoh, antara rakyat dengan pemerintah yang zalim, antara pekerja dengan majikan, atau antara kalangan pedagang yang ingin merebut pasaran”.

Berdasarkan pandangan-pandangan di atas, dapat dikatakan bahawa ‘konflik’ merupakan suatu pergelutan yang wujud akibat daripada pertentangan antara dua pihak melibatkan fizikal dan luaran, atau peribadi dan dalaman seseorang. Pengertian “konflik” ini yang diguna pakai dalam kajian ini.

1.6.2 'Politik'

Menurut Firdaus Abdullah (1985: 1), 'politik' merupakan cara yang dapat meletakkan seseorang itu berada di tempat tinggi, sebagaimana yang dituliskannya, " 'Politik' ialah sebarang kegiatan yang ada hubungannya dengan pengambilan keputusan mengenai pembahagian sumber-sumber, ganjaran, serta keputusan mengenai cara-cara mengatur kehebatan yang tinggi". Menurut Abdul Basir Alias (2002: 22) pula, 'politik' merupakan bentuk pentadbiran yang merangkumi aspek-aspek berkaitan dalam kerajaan, sebagaimana yang dituliskannya, " 'Politik' bermaksud mentadbir, mengendalikan urusan negara, memperbaiki keadaan dan urusan manusia, serta mentadbir urusan sesebuah negeri".

Menurut Jeniri Amir (2005) pula, 'politik' merupakan satu cara untuk memperoleh kuasa dan pengaruh oleh pemerintah, sebagaimana yang dituliskannya,

'Politik' bermaksud satu perkaitan dengan pemerintahan dan usaha untuk memperoleh kuasa dan pengaruh dalam organisasi manusia, sama ada formal atau tidak formal, seperti peringkat kelompok, persatuan, desa, kampung, daerah, negeri atau antarabangsa (Jeniri Amir, 2005: 1).

Manakala, Syed Ahmad Hussein (1994: 22) pula menyatakan bahawa 'politik' merangkumi kepada tiga perspektif, iaitu pembahagian kuasa, penggunaan (dan penyalahgunaan) kuasa, dan pengaruh guna kuasa dalam masyarakat, sebagaimana yang dituliskannya, "...politik boleh dan selalu didekati daripada perspektif pembahagian kuasa, penggunaan (dan penyalahgunaan) kuasa, dan pengaruh guna kuasa dalam masyarakat".

Berdasarkan pandangan-pandangan di atas, dapat dikatakan bahawa 'politik' merupakan satu peraturan yang dibentuk bagi menjaga tatasusila dan mentadbir urusan sesuatu golongan, iaitu rakyat yang berlandaskan prinsip-prinsip pemerintahan. Pengertian "politik' ini yang diguna pakai dalam kajian ini.

1.6.3 'Pemerintahan'

Istilah 'pemerintahan' berasal daripada kata dasar, iaitu 'perintah'. 'Pemerintahan' didefinisikan dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005: 949) sebagai perihal memerintah, cara (sistem memerintah) dan pentadbiran. Manakala, istilah 'perintah' dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005: 949) didefinisikan sebagai kata yang menyuruh (mengarah) melakukan sesuatu, arahan, dan suruhan. 'Perintah' ini pula akan dikeluarkan oleh 'pemerintah'.

Istilah 'pemerintah' pula didefinisikan dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005: 949) sebagai kekuasaan yang memerintah (menguasai negara/ bahagian negara). Menurut Abdul Samat Musa (2003: 177) pula, 'pemerintah' merupakan seorang yang digelar sebagai khalifah, imam, hakim dan *Ulu al-Amr*, iaitu melaksanakan tugas memelihara agama dan mentadbir urusan keduniaan serta melaksanakan kuasa politik sebagai orang yang diberikan amanah. Manakala, Abdullah Abu Bakar (1995: 155), menjelaskan bahawa 'pemerintah' merupakan seorang pemimpin yang dilantik bagi menjaga, mengawal, dan mentadbir sesebuah negara.

Berdasarkan pandangan-pandangan di atas, dapat dikatakan bahawa 'pemerintahan' merujuk kepada kata dasar 'perintah'. 'Perintah' ini pula dikeluarkan oleh seorang bergelar 'pemerintah' iaitu seseorang yang mempunyai tanggungjawab dalam menjaga, melaksana dan mentadbir sesebuah negara iaitu mencakupi istilah 'pemerintahan'. Oleh itu, pengertian ini yang difahami dan diguna pakai dalam kajian ini.

1.6.4 'Historiografi Melayu'

Siti Hawa Salleh (1993) menjelaskan bahawa 'historiografi' merupakan satu genre karya sastera yang mempunyai unsur sejarah. Unsur sejarah ini pula dikonsepsi menurut pemahaman masyarakat yang menghasilkannya, sebagaimana yang dituliskan,

'Karya sastera sejarah atau historiografi' merupakan hasil-hasil penulisan yang mengandungi unsur-unsur sejarah atau unsur-unsur yang bersifat sejarah, mengikut konsep dan ukuran masyarakat dan zaman yang menghasilkannya. Bagi pengarang karya historiografi Melayu, masa yang dipegangnya adalah suatu masa yang panjang dan tidak tepat. Ketidaktetapan itu sebenarnya disebabkan tiada catatan dan penerimaan waktu yang tepat untuk sesuatu peristiwa (Siti Hawa Salleh, 1993: 280).

Harun Mat Piah (2000: 279) pula berpendapat bahawa penceritaan 'historiografi Melayu' rata-rata melibatkan sejarah masyarakat, sebagaimana yang dituliskannya, " 'Historiografi Melayu' adalah cerita mengenai sejarah sesebuah kerajaan sesuai dengan konsep sejarah masyarakat yang menghasilkannya".

Berdasarkan pandangan-pandangan di atas, dapat dikatakan bahawa karya 'historiografi Melayu' merujuk kepada sebuah penceritaan mengenai sejarah sesebuah kerajaan yang sesuai dengan konsep sejarah masyarakat pada zaman itu. Karya 'historiografi Melayu' antara lain mengandungi cerita-cerita

tentang pembukaan negeri, salasilah raja-raja, dan hubungan raja dengan rakyat pada zaman Kesultanan Melayu. Pengertian ini yang difahami dan diguna pakai dalam memilih dan menentukan pemilihan naskhah yang dijadikan bahan kajian ini.



BIBLIOGRAFI

- A. Samad Ahmad (penyelenggara). (1979). *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Basir Alias. (2002). *Ancaman Nasionalis Sekular Ekstrim di Malaysia*. Bangi: As Syabab Media.
- Abdul Rahman Haji Ismail. (1993). *Kekerasan Pada Zaman Kesultanan Melayu Melaka: Penelitian Berdasarkan Sejarah Melayu: Kekerasan Dalam Sejarah Masyarakat dan Pemerintah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Haji Ismail. (2008). *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu): Cerakinan Sejarah, Budaya dan Bahasa*. Pinang: Universiti Sains Malaysia Press.
- Abdul Samat Musa. (2003). *Tanggungjawab Pemerintah dan Kerajaan Terhadap Rakyat serta Tanggungjawab Rakyat Terhadap Pemerintah dan Kerajaan: Islam, Politik dan Kerajaan*. Johor: Pejabat Ketua Penerangan dan Penyelidikan.
- Abdullah Abu Bakar. (1995). *Konsep Pemerintahan Islam dan Pendekatannya dalam Masyarakat Majmuk: Pemerintahan Islam dalam Masyarakat Majmuk*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Abdullah Zakaria Ghazali. (1997). *Tengkolok Lawan Mahkota Di Selangor 1934-1938: Konflik Sultan dengan Residen dala Sebuah Negeri Melayu*. Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam: Universiti Malaya.
- Abdullah Zakaria Ghazali. (2009). *Kedah Sehingga Kurun ke-19: Cabaran dan Persaingan: Polemik Sejarah Malaysia*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Abdullah Zakaria Ghazali. (2014). Persetiaan Melayu- Bugis dalam Sejarah Kerajaan Johor-Pahang, Riau dan Lingga. *Seminar Antarabangsa Peradaban Melayu: Rakyat, Raja dan Kerajaan*. Kuala Lumpur: Institut Diplomasi dan Hubungan Luar.
- Abu Mazaayaa Al Hafiz. (1997). *Penawar Hati dan Penenang Jiwa*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah.
- Ahmad Fauzi Basri (Penyunting). (1991). *Tuhfat Al-Nafis: Sejarah Melayu-Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Fawzi Mohd. Basri. (2009). *Politik dan Pentadbiran Johor-Riau 1721 hingga 1824: Satu Tinjauan Ringkas*. Kuala Lumpur: Arkib Negara.
- Ahmad Faisal Abdul Hamid. (2010). Beberapa Pandangan Mengenai Islam dari Perspektif Parti Politik Melayu. *Jurnal Al-Tamadun*. Bil 5: 117-130.

- Aiza Maslan@Baharudin. (2000). *Teori 'Umran Ibnu Khaldun: Kajian Khusus Kejatuhan Peradaban Islam Melaka dan Kebangkitan Kuasa Portugis di Melaka*. Disertasi Ijazah Sarjana. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
- Alan R. Ball. (1993). *Politik dan Kerajaan Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ali Ahmad, Siti Hajar Che Man, Jelani Harun. (2005). *Tasawwur Islam Dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Ali Mohammad. (2008). *Sumbangan Tamadun Islam dalam Kehidupan Masyarakat di Alam Melayu hingga Abad Ke-17 Masihi*. Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam: Universiti Malaya.
- Arba'ie Sujud, Salihahs Razak & Siti Rabiatul Adawiah Jaffar. (2015). Pemikiran Politik: Pemimpin dan Kepemimpinan dalam Novel Shahnom Ahmad. *Jurnal Iman*. 3 (1): 67-78.
- Aruna Gopinath. (1993). *Sejarah Politik Pahang 1880-1935*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asrul Effendi Kamaruzzaman. (1999). Pertikaian Politik dalam Tuhtat al Nafis. *Berita Harian*. Sept: 8-9.
- Auni Abdullah. (1991). *Islam dan Sejarah Politik dan Pemerintahan di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Auni Abdullah. (2001). *Islam dan Perdagangan dalam Sejarah Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Bazrul Bahaman. (2006). *Analisis Motif Politik dalam Hikayat Seri Kelantan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cheah Boon Kheng. (1993). *Ketidakadilan Raja dan Keruntuhan Kerajaan Melaka: Pengadilan Moral dalam Sejarah Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Firdaus Haji Abdullah. (1985). *Kepimpinan Melayu Satu Rakaman Kewartawanan dalam Politik Kebudayaan Kebangsaan: Satu Perbincangan Awal*. Petaling Jaya: Penerbitan Fajar Bakti.
- Hashim Awang. (1987). *Glosari Mini Kesusasteraan*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Hashim Musa. (2008). *Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad Ke-21*. Serdang: Penerbitan Universiti Putra Malaysia.
- Hashim Musa, Normahdiah Sheik Said, Rozita Che Rodi, Siti Sarah Ab Karim. (2012). Hati Budi Melayu: Kajian Keperibadian Sosial Melayu ke Arah Penjanaan Melayu Gemilang. *GEMA Online Journal of Language Studies*. Volume 12(1), Januari. Hlm: 1-20.

- Haron Daud. (1989). *Sejarah Melayu: Satu Kajian Daripada Aspek Persejaraan Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Mat Piah. (2000). *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Mat Piah. (2013). Sulalatus Salatin: Testamen Keperkasaan Nasionalisme Melayu. *Kertas Kerja Seminar 400 Tahun Sulalatus Salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 29& 30 Okt.
- Hooker Virginia Matheson (Penyelenggara). (1991). *Tuhfat Al-Nafis Sejarah Melayu-Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Restu. (2006). Konflik dalam Cerpen. *Tunas Cipta*. Dis: 8-9.
- Ishak Saat. (2012). *Politik dan Masyarakat Melayu Perak*. Batu Pahat: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Jeniri Amir. (2005). *Politik dalam Novel*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Jelani Harun. (2003). *Pemikiran Adab Ketatanegaraan Kesultanan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jelani Harun (Penyelenggara). (2006). *Nasihat al-Muluk: Nasihat kepada Raja-Raja Karangan Imam al-Ghazali*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- K. Ramanathan Kalimathu. (1987). *Asas Sains Politik*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Kassim Thukiman. (2002). *Malaysia: Perspektif Sejarah dan Politik*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Khalid Ali Muhammad Al-Anbariy. (2008). *Sistem Politik Islam: Menurut al-Quran, Sunah dan Pendapat Ulama Salaf*. Kuala Lumpur: Telaga Biru.
- Mahayudin Haji Yahya. (1996). *Undang-Undang Laut dan Perdagangan Negeri Kedah Abad ke-17*. Persatuan Sejarah Melayu.
- Maimunah Haji Omar. (1992). *Panduan Menganalisa Aspek-aspek di dalam Cereka: (penganalisaan Novel Saudagar Besar Dari Kuala Lumpur)*. Shah Alam: Biroteks, ITM.
- Mana Sikana. (2006). *Proses Penulisan Kreatif*. Singapura: EDN Media.
- Mardiah Mawar. (2011). *Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli: Kelahiran Sebuah Legenda Sejarah*. Ijazah Doktor Falsafah. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

- Mardiana Nordin. (1999). *Politik Kerajaan Johor, 1718-1862: Kajian Berdasarkan Teks Tuftat al-Nafis*. Desertasi Ijazah Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mardiana Nordin. (2009). *Perpecahan Kerajaan Johor-Riau 1819-1824*. Kuala Lumpur: Arkib Negara.
- Mardiana Nordin. (2010). *Politik dan Pentadbiran Empayar Melaka, Tradisi Agung Melayu*. Melaka: Perbadanan Muzium Melaka dan Kerajaan Negeri Malaya.
- Mardiana Nordin. (2011). *Perang Melayu pada Abad ke-18 dan ke-19: Kajian Berdasarkan Naskhah Tuftat al Nafis, Hikayat Pahang, Kenang-Kenangan Selangor dan Hikayat Seri Kelantan*. Desertasi Doktor Falsafah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd. Amirullah Abdul Rahman. (2005). *Kerajaan Johor-Riau dalam Sejarah Peradaban Melayu*. Desertasi Ijazah Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd Akbal Abdullah, Abdullah Sulaiman. (2005). Pemelayuan: Pengalaman Etnik Bugis di Johor berdasarkan Naskhah-Naskhah Sejarah Tradisional Melayu Johor. *Seminar Kebangsaan ICT dalam Pendidikan, UPSI*. Nov. Hlm: 1-30.
- Mohd Abdullah Enan. (2014). *Ibnu Khaldun: Riwayat Hidup & Karyanya*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Mohammad Nor Lukman. (2014). *Sumbangan Pemikiran Ibnu Khaldun dalam Politik*. http://www.academia.edu/9612649/Sumbangan_Pemikiran_Ibnu_Khaldun_dalam_politik. Dicapai pada 28/08/16.
- Mohammad Isa Othman. (1990). *Politik Tradisional Kedah 1681-1942*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammad Isa Othman. (2009). *Politik dan Pentadbiran Kedah Hingga Abad ke-19: Polemik Sejarah Malaysia*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Mohd. Nasir Omar, Muda@Ismail Abd. Rahman. (1998). *Biografi Ibn Khaldun: dalam Pemikiran Ibn Khaldun*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Zahid Mohd Shah (penyelenggara). (1968). *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Monique Zaini-Lajoubert. (2010). Karya Sastera Melayu Moden yang Berilhamkan Karya Sastera Melayu Lama. *Jurnal Terjemah Alam & Tamadun Melayu* 1: 2: 113-114.
- Muhamad Safwan Mohd A'seri. (2014). *Perlis dalam Teks-Teks Melayu: Suatu Penelitian Awal*. Perlis: Universiti Malaysia Perlis. *Prosiding Seminar Institusi Raja (Siraj II): Seminar Raja dan Kerajaan Perlis*: 157-169.

- Mukadimah Ibn Khaldun.* (1995). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustafa Haji Daud. (1994). *Penghantar Politik Islam.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustafa Ishak, Afifi Abdul Razak. (2006). *Politik dan Pemerintahan Negara.* Kuala Lumpur: Thomson.
- Norhaslinda Mokhtar Rudin. (2006). *Interaksi Tamadun Melayu-Jawa dalam Sulalatus Salatin dan Hikayat Hang Tuah.* Desertasi Ijazah Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2013). *Perihal Keintelektualan Melayu Menerusi Korpus Sulalatus al-Salatin. Kertas Kerja Seminar 400 Tahun Sulalatus Salatin.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 29&30 Okt.
- Noriah Taslim. (2009). *Di Sebalik Kebijaksanaan Tun Seri Lanang.* Dewan Sastera. Jan: 67-69.
- Noriah Taslim. (2009). Sejarah Melayu dan Kemelut Politik Melayu Abad ke-17. *Dewan Sastera.* Jun: 56-58.
- Noriah Taslim. (2009). Imej Raja-raja Melayu dalam *Tuhfat Al-Nafis.* Dewan Sastera. Julai: 27-29.
- Noriah Taslim. (2009). *Tuhfat Al-Nafis Falsafah Politik Raja Ali Haji.* Dewan Sastera. Ogos.
- Noriah Taslim. (2009). Menangani Kuasa Suara Rakyat dalam *Sejarah Melayu.* Dewan Sastera. Okt: 57-59.
- Omardin Ashaari. (2008). *Sistem Politik dalam Islam.* Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Rahmat Saripan. (1979). *Perkembangan Politik Melayu Tradisional Kelantan 1776-1842.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Saat Sulaiman. (2007). *Remaja Positif.* Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Salmah Jan Noor Muhammad. (2012). *Ilmu Diplomatik Melayu dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional.* Desertasi Doktor Falsafah. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Salmah Jan Noor Muhammad. (2015). Strategi Diplomatik Bervariasi: Suatu Kearifan Lokal dalam Pemerintahan Kesultanan Melayu. *Jurnal Iman* 3(2): 79-93.
- Shaharom Husain. (1995). *Sejarah Johor: Kaitannya dengan Negeri Melayu.* Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Shaharom Husain. (1996). *Memoir Shaharom Husain: Selingkar Kenangan Abad.* Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Shaharuddin Maaruf. (2014). *Yang Abadi dan Abdi dalam Sastera Nusantara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Fairus Kamarudin. (2015). *Manuskrip Undang-Undang Kedah: Kajian Unsur-Unsur Etnografi Islam*. Desertasi Ijazah Sarjana Usuluddin. Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Siti Hawa Haji Salleh. (1993). *Kesusasteraan Melayu Tradisional, Sastera Sejarah*. (280-348). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Hawa Haji Salleh. (2006). *Naskhah Melayu Berunsur Sejarah (Kerajaan Melayu)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Ahmad Hussein. (1994). *Penghantar Sains Politik*. Pulau Pinang: Pusat Pengajian Luar Kampus, Universiti Sains Malaysia.
- Tatiana A. Denisova. (2011). *Refleksi Historiografi Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Tatiana A. Denisova. (2015). *Orang Melayu dan Tamadun Melayu dalam Historiografi Melayu Islam (Kurun ke-13 hingga ke-19)*. Pusat Kajian Tinggi Islam, Sains dan Peradaban: Universiti Teknologi Malaysia.
- Wan Shamsuddin Mohd Yusof. (2008). *Senario Institusi Kesultanan Kedah. Kedah 100 Tahun 1900-2000: Isu-Isu Politik & Sosioekonomi*. Sintok: Penerbitan Universiti Utara Malaysia.
- Zalila Sharif. (1995). *Politik dalam Karya Sastera Bercorak Sejarah*. Desertasi Ijazah Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2011). Kesopanan Berbahasa dalam Kalangan Remaja: Adakah Benar Bukan Salah Ibu Mengandung?. Kertas kerja dalam SKIM XII Simposium Kebudayaan Indonesia-Malaysia. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 29-30 Nov.
- Zainal Kling. (2014). *Dari Waad Kepada Raja Berperlembagaan: Sendi Pemerintahan Negara Malaysia*. Seminar Antarabangsa Peradaban Melayu: Rakyat, Raja dan Kerajaan. Kuala Lumpur: Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri.

SENARAI PENERBITAN

Amir Rullah Mohd Noor. 2012. Puisi *Ke mana Burung Terbang*. *Tunas Cipta*, Mei: 55.

Amir Rullah Mohd Noor. 2013. Puisi *Rintihan Wajah Seorang Isteri*. *Tunas Cipta*, Disember.

Amir Rullah Mohd Noor & Salmah Jan Noor Muhammad. 2016. "Kemelut Politik Zaman Kesultanan Melayu dalam *Tuhfat al-Nafis*". *IMAN: Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu*, Januari: 51-60.

